

21 AUG 2001

MAHATHIR-SNNI

BAHAN BERITA SNNi PERLU BOLEH DIPERCAYAI, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

KAMPALA, 21 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika menyambut baik pelancaran Rangkaian Berita Pintar Antarabangsa (SNNi), berkata ia mestilah boleh dipercayai dalam menyiarkan bahan-bahan berita yang bukan sahaja kritis, tetapi memberi penumpuan kepada aspek-aspek positif negara-negara membangun.

"Dengan SNNi, anda akan dapat bertukar-tukar berita yang berasal daripada negara (yang menyertainya)," katanya kepada sidang media selepas pelancaran rangkaian berita dalam internet ([www.snni.org](http://www.snni.org)) itu.

Dr Mahathir, yang berada di sini untuk menghadiri Dialog Antarabangsa Perkongsian Pintar Global 2001 yang sedang berlangsung di Speke Resort, Perkampung Munyonyo, kira-kira 15 km dari sini, berkata SNNi adalah "satu perkara yang amat menarik dan ketara yang terhasil daripada siri-siri dialog perkongsian pintar di kalangan negara Selatan-Selatan".

SNNi, satu rangkaian di mana pertubuhan-pertubuhan media yang menyertainya bertukar-tukar berita setiap hari, dilancarkan bersama oleh Presiden Uganda Yoweri Museveni dan Dr Mahathir, di sini pada lewat Isnin.

Antara pertubuhan-pertubuhan media dari Afrika yang menyertainya ialah The New Vision dari Uganda, Agensi Berita Mozambique, The Herald dari Zimbabwe, The Daily News dari Botswana, Namibia Today, Namibia, Bua News dari Afrika Selatan dan Seychelles Nation.

Dari Malaysia, para pesertanya termasuk agensi berita nasional Bernama, The New Straits Times, The Star dan Utusan Malaysia.

Dr Mahathir berkata dalam perbincangan-perbincangannya dengan para pemimpin Afrika, mereka berkata media mereka sendiri "tidak begitu mesra terhadap mereka dan daripada berita-berita yang keluar dari sini, tiada yang baik yang pernah dilaporkan tentang negara-negara Afrika".

"Benar, perkara yang sama berlaku kepada Malaysia," katanya apabila merujuk kepada laporan separuh benar dan tidak tepat oleh media asing tertentu.

Sementara Malaysia mempunyai kelebihan kerana berjaya menarik pelaburan walaupun dengan adanya laporan yang tidak tepat, beliau berkata negara-negara Afrika tidak begitu apabila para pelabur menjauhkan diri.

Memandangkan laporan-laporan berat sebelah dilakukan secara berterusan, Dr Mahathir menggesa pihak akhbar di negara-negara membangun supaya memecahkan monopoli media antarabangsa dengan melaporkan berita-berita yang seimbang tentang dunia ketiga.

Beliau berkata sebahagian media Barat amat tidak suka kepada Malaysia sehingga mereka menyifatkan dialong perkongsian pintar di sini sebagai disertai oleh terlalu banyak negara tetapi tidak sama sekali menyebut Malaysia yang merupakan salah satu penggerak utama dialog ini.

"Itulah laporan BBC. Mereka membuat laporan yang tidak tepat dengan mengatakan Taiwan menyertainya walaupun ia tidak," katanya.

Malaysia, yang memulakan dialog perkongsian pintar, sentiasa dirasai kehadirannya di dialog-dialog di luar Malaysia dengan 60 peserta Malaysia menghadiri perhimpunan tahun ini di Uganda.

Dalam merujuk kepada SNNi, Dr Mahathir berkata ia boleh memberikan berita baik dan buruk.

Beliau berkata ia boleh "memberikan gambaran sebenar dan tetap dengan gambaran sebear, tetapi jangan menulis sesuatu yang amat tidak kritis sehingga ia tidak diambil peduli".

Contohnya, katanya Uganda, tuan rumah dialog tahun ini mempunyai

taman-taman dan Tasik Victoria yang cantik, dan "semua ini perlu didedahkan".

Dr Mahathir berkata media di negara-negara membangun, sementara cuba untuk mempromosi negara masing-masing, juga harus boleh dipercayai.

"Jika kita memberikan gambaran yang menarik tentang negara yang berbeza yang tidak mengikut fakta, orang ramai tidak akan membaca berita itu. Jadi saya harap anda membuat pilihan," katanya. -- BERNAMA

MR MKO SHY